

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

4,500 ikrar derma organ diterima

Inisiatif menerusi MySejahtera terus dapat sambutan menggalakkan

Oleh Nas Norziela Nasbah
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sejumlah 4,500 ikrar penderma organ diterima sejak ciri baharu Ikrar Derma Organ menerusi MySejahtera dilancarkan pada 6 September lalu.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, melalui ciapan di Twitter, berkongsi perkembangan itu sambil berharap usaha itu terus disebar.

"4,500 ikrar penderma organ sejak kami lancarkan ciri ini di @my_sejahtera. Tolong sebarkan.

"Jadilah pengikrar penderma organ hari ini. Selamatkan lebih

banyak nyawa," katanya dalam ciapan terbabit.

Kementerian Kesihatan (KKM) baru-baru ini memperkenalkan ciri baharu dalam MySejahtera, yang membolehkan pengguna menjadi pengikrar penderma organ menerusi aplikasi itu.

Langkah berkenaan sebagai usaha KKM untuk meningkatkan kadar penderma organ, selepas Malaysia disenaraikan antara 10 negara dengan kadar pemindahan organ terendah di dunia, tahun lalu.

Ciri baharu Ikrar Derma Organ yang dilancarkan pada 6 September lalu dalam kemas kini MySejahtera baharu (versi 2.0.5) yang membolehkan sesiapa sahaja untuk mengikrarkan atau menarik balik ikrar mereka pada bila-bila masa.

Apabila berikrar, waris terdekat juga akan dimaklumkan.

Menerusi perkongsian di laman Facebook KKM, sambutan rakyat Malaysia adalah sangat

menggalakkan.

"Setakat 3 petang, Isnin lalu, ada 4,500 ikrar dibuat pada MySejahtera. Secara purata, terdapat kira-kira 700 pengikrar penderma organ baharu sehari sejak ciri baharu ini diperkenalkan.

Proses ikrar jadi mudah

"Ia disumbangkan oleh kemudahan untuk proses ikrar dalam inisiatif ini. Maklumkan jua kepada keluarga anda berkenaan ikrar yang dilakukan," katanya.

Sementara itu, maklum balas diterima orang ramai melalui Twitter @Khairykj rata-rata melahirkan kesyukuran atas inisiatif yang diambil itu.

@amarekun dalam ciapannya berkata, "Alhamdulillah, memang nak (hendak) buat daripada dulu, cuma proses tak (tidak) pasti macam mana.

@RenalUitm pula berkata, "Terima kasih YB (Khairy) untuk sokongan hebat anda untuk pendermaan organ dan pemindahan.

Anda telah melakukan begitu banyak untuk tujuan tersebut dan telah mewujudkan banyak kesedaran awam mengenai isu yang kompleks ini," katanya.

Terdahulu, Khairy memaklumkan kadar pendermaan organ dalam kalangan rakyat Malaysia antara 10 negara terendah di dunia.

Berdasarkan Cerapan Derma dan Pemindahan Organ Global, kadar transplantasi di Malaysia hanya 2.84 pembedahan bagi sejuta populasi pada tahun lalu berbanding 5.64 pembedahan dalam 2020.

Statistik terkini pendermaan organ dari Pusat Sumber Transplantasi Nasional pada Julai lalu hanya 779 penderma organ sebenar selepas kematian sejak 1997.

"Sejak negara kita memulakan perkhidmatan transplantasi pada 1975, sebanyak 2,700 kes transplantasi dijalankan membabitkan pendermaan organ daripada penderma meninggal dunia dan daripada penderma hidup," katanya.

"Jumlah ini adalah masih ren-

Secara purata, terdapat kira-kira 700 pengikrar penderma organ baharu sehari sejak ciri baharu ini diperkenalkan



Khairy
Jamaluddin,
Menteri
Kesihatan

dah jika dibandingkan dengan jumlah pesakit kegagalan organ tahap akhir yang tinggi di negara ini dengan 10,442 pesakit yang masih menunggu mendapatkan derma organ di Malaysia setakat hari ini," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : LOKAL

KEBANJIRAN PUSAT RAWATAN KECANTIKAN

Bahaya perubatan tanpa lesen

Oleh Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my

Tumpat

Belajar rawatan kecantikan termasuk perubatan estetik di luar negara untuk tempoh beberapa bulan sehingga menerima sijil sebelum membuka pusat rawatan sendiri.

Begitu kebimbangan yang timbul berikutan banjir pusat rawatan kecantikan yang menawarkan perkhidmatan perubatan estetik tanpa lesen dan tidak bertauliah di negeri ini.

Pakar bedah plastik dan rekonstruktif, Unit Sains Rekonstruktif, Pusat Pengajian Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia (USM) Dr Siti Fatimah Noor Mat Johar berkata, faktor permintaan tinggi menyebabkan puluhan premis berkaitan dikesan wujud di negeri ini dengan menyediakan pelbagai rawatan kecantikan pada harga murah.

Beliau berkata, antara jenis rawatan yang dijalankan dan paling mendapat permintaan



DR Siti Fatimah (tiga dari kanan) melihat pemeriksaan kulit wajah yang dilakukan terhadap remaja perempuan.

adalah *filler*, suntikan vitamin C, botox, rawatan menghilangkan kedut atau jerawat serta sulam bedak.

"Klinik, spa dan pusat kecantikan yang menyediakan perkhidmatan tanpa lesen sebegini semakin berleluasa

dan ia wujud disebabkan permintaan yang tinggi.

"Rawatan itu dilakukan oleh mereka yang hanya be-



Sebenarnya banyak kes sebegini berlaku, tapi tidak dilaporkan kepada KKM, sekali gus menyukarkan premis yang menjalankan rawatan tanpa lesen sah itu sukar dikesan dan diambil tindakan"

Dr Siti Fatimah

lajar di Thailand, China dan Korea Selatan dalam masa beberapa bulan sebelum memperolehi sijil dan mempraktikkannya tanpa kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebaik pulang ke negara ini," katanya.

Terdahulu, beliau hadir pada Kempen Keselamatan Kosmetik *Beautiful With Safe Cosmetic* anjuran sebuah syarikat kesihatan dan kecantikan, di sini, semalam.

Dr Siti Fatimah Noor berkata, banyak komplikasi boleh berlaku hasil daripada

rawatan kecantikan yang tidak mengikut prosedur sah itu sama ada mampu diselamatkan atau mengalami kecacatan kekal.

Katanya, pihaknya menerima banyak kes kritikal yang menyebabkan mereka terpaksa melakukan pembedahan plastik untuk menyelamatkan anggota wajah yang mengalami kerosakan, namun mengakui satu cabaran untuk menjadikan 'kecacatan' itu seakan normal.

"Kesan sampingannya bergantung kepada jenis komplikasi iaitu ada yang masih boleh disembuhkan dan ada bersifat kecacatan kekal.

"Sebenarnya banyak kes sebegini berlaku, tapi tidak dilaporkan kepada KKM, sekali gus menyukarkan premis yang menjalankan rawatan tanpa lesen sah itu sukar dikesan dan diambil tindakan.

"Malah, kami juga difahamkan bahawa pengguna yang mengalami komplikasi akan kembali ke premis berkenaan dan menerima ganti rugi menyebabkan kes ditutup," katanya.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Pendaftaran dilakukan melalui MySejahtera sejak dibuka pada 6 September lalu **4,500 individu ikrar derma organ**

PETALING JAYA – Seramai 4,500 individu telah tampil berikrar untuk menderma organ menerusi aplikasi MySejahtera sejak pendaftaran dibuka pada 6 September lalu.

Menerusi perkongsian di laman Twitter, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, jumlah penderma tersebut dicatatkan setakat pukul 3 petang, Isnin lalu.

Menurutnya, berdasarkan angka itu, secara purata, kira-kira 700 individu berikrar untuk menderma organ setiap hari.

"Seramai 4,500 telah berikrar menderma organ sejak kami melancarkan ciri tersebut di aplikasi MySejahtera.

"Tolong sebarkan, jadilah pengikrar penderma organ hari ini untuk menyelamatkan nyawa," katanya.

Sebelum ini, Khairy Jamaluddin memaklumkan bahawa pendaftaran sebagai pengikrar derma organ boleh dilakukan melalui aplikasi MySejahtera mulai 6 September lalu.

Menurut beliau, inisiatif itu dilaksanakan susulan kadar



KERATAN Kosmo/ 9 September 2022.

pendermaan organ di negara ini sangat rendah apabila Malaysia tergolong antara 10 negara yang mempunyai kadar transplantasi terendah di dunia.

Berdasarkan *Observatory on Donation and Transplantation*, pada tahun 2021, kira-kira 2.84 pembedahan transplantasi bagi setiap 1 juta populasi di negara ini.

Kosmo! sebelum ini juga melaporkan, seramai 10,442 pesakit buah pinggang, jantung dan hati kronik di negara ini perlu menunggu sehingga 10 tahun sebelum tiba giliran bagi melakukan pemindahan organ baharu ekoran hanya terdapat 779 penderma organ sebenar selepas kematian sejak 1997.



PEMINDAHAN segera organ baharu kepada pesakit kronik dapat menyelamatkan nyawa mereka. – GAMBAR HIASAN

Pesakit jantung, paru-paru dan hati memerlukan organ baharu secepat mungkin, namun jika gagal, mereka berisiko tinggi mati dulu berbanding pesakit buah pinggang yang boleh me-

lakukan rawatan dialisis bagi memanjangkan kadar hayat.

Pengurus Klinikal Pendermaan Organ Kebangsaan Kanan Pusat Sumber Transplan Nasional, Dr. Hasdy Haron dilapor-

kan berkata, sehingga Julai lalu, jumlah pesakit yang memerlukan buah pinggang seramai 10,423 orang, paru-paru (10), jantung (8) dan seorang yang memerlukan hati berserta jantung.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA



Krim D Ains Beauty Empire ada racun berjadual

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) melalui Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) menggesa orang awam untuk tidak membeli dan menggunakan produk krim malam D Ains Beauty Empire berikutan dikesan mengandungi racun berjadual.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, produk itu dikesan mengandungi racun berjadual seperti *hydroquinone*, *tretinoin* dan *betamethasone 17-valerate*.

"Susulan daripada itu, notifikasi produk kosmetik terlibat telah dibatalkan oleh Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi KKM dan tidak lagi dibenarkan untuk dijual di Malaysia.

"Produk mengandungi *hyd-*

roquinone, *tretinoin* dan *betamethasone 17-valerate* adalah ubat yang perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah dan hanya boleh digunakan dengan nasihat ahli profesional kesihatan," katanya.

Menurutnya, penggunaan produk mengandungi bahan-bahan itu tanpa pengawasan ahli profesional kesihatan boleh menyebabkan kesa sampingan seperti kulit kemerahan, pedih, mengelupas serta berjerawat.

"Penjual dan pengedar produk kosmetik terbabit perlu menghentikan penjualan serta pengedaran serta-merta.

"Penjualan dan pengedaran produk itu adalah melanggar Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984," kata beliau.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

'Produk timbang kilo' masih diminati remaja

Kandungan tinggi steroid pada kulit dan komplikasi serius antara kesan jangka panjang kepada pengguna

Oleh ASWANY OMAR
KOTA BHARU

Pengusaha 'produk timbang kilo' yang semakin aktif mempromosikan produk mereka di media sosial menarik perhatian golongan remaja untuk menggunakan produk berkenaan.

Pakar Bedah Plastik dan Rekonstruktif Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Siti Fatimah Noor Mat Johar berkata, produk itu juga semakin mudah didapati dan dijual pada harga murah.

Beliau berkata, kebanyakan produk yang tidak mempunyai lesen sah daripada Kementerian Kesihatan Malaysia



Dr Siti Fatimah Noor (belakang dua dari kanan) dan Mohd Faizul (belakang kanan) melihat kakitangan Beauty Qaseh memeriksa kulit muka seorang pelajar sebuah sekolah di Kota Bharu pada Rabu.

(KKM) boleh mengakibatkan masalah kulit.

"Justeru, pengguna produk ini datang ke hospital dalam keadaan kandungan tinggi steroid pada kulit, salur darah halus dan komplikasi serius," katanya kepada pemberita selepas Kempen Keselamatan Kosmetik di sebuah sekolah di sini pada Rabu.

Dr Siti Fatimah Noor turut menasihati-

kan ibu bapa supaya mengambil berat tentang kandungan yang digunakan dalam produk bagi mengelakkan kesan kronik terhadap kulit anak-anak mereka.

"Remaja juga perlu bijak dengan membaca kandungan pada produk yang menjadi antara faktor utama dalam penjagaan kulit," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Beauty Qaseh, Mohd Faizul Rohban

Senarai antara produk kosmetik terlarang oleh KKM

- 1) NP Beauty FM Cream
- 2) NP Beauty FB Cream - 7g
- 3) AS'S Beauty Night Cream
- 4) LS Repairing Cream
- 5) Luffiya Treatment Foundation
- 6) Puteri Ratu Treatment Cream
- 7) Flashh Treatment Cream
- 8) Flashh Night Cream
- 9) Biela Beauty Glowing Night Cream
- 10) BL Skincare Day Cream 1
- 11) BL Skincare Day Cream 2
- 12) BL Skincare Night Cream
- 14) Monila Beauty Whitening Cream
- 15) Beauty Sleep Treatment Cream
- 16) Beauty Sleep Nite Cream
- 17) Lana Radiance Night Cream
- 18) Oxy Cream By Viprolabs
- 19) Zuya Skincare Night Treatment A Cream
- 20) FS Turmeric Cream
- 21) Beautywise Rejuvenating Cream
- 22) Beautywise Rejuvenating Toner
- 23) Deeja Cosmetic Vial Cream
- 24) Deeja Cosmetic Lala Cream
- 25) Deluxe Beauty Ultra Lightening Cream
- 26) Brilliant Skin Essentials Whitening Facial Cream
- 27) Skin Revolution - Acne Clearing Solution
- 28) Luxe Lily Beauty Peeling Oil
- 29) ALISI Acne Purifying Cream

Sumber: KKM

Ahmad berkata, pengusaha 'produk timbang kilo' juga menggunakan peralatan berteknologi tinggi untuk produk mereka.

"Permintaan tinggi juga menggalakkan mereka gigih mengeluarkan produk yang memberi kesan dalam tempoh singkat tetapi kesan buruk jangka panjang di tanggung oleh pengguna," katanya.

Elak rawatan estetik tanpa tauliah

KOTA BHARU - Pengguna yang berhasrat menjalani perkhidmatan rawatan estetik perlu mendapatkan khidmat doktor bertauliah bagi mengelakkan kerosakan dan kesan serius terhadap wajah selepas rawatan.

Pakar Bedah Plastik dan Rekonstruktif, Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Siti Fatimah Noor Mat Johar berkata, ada pesakit yang datang ke hospital dengan komplikasi tertentu selain parut kekal.

"Ada yang boleh kita bantu tetapi ada juga yang mengalami komplikasi serius menyebabkan cacat kekal," katanya kepada pemberita selepas Kempen Keselamatan Kosmetik di sebuah sekolah pada Rabu.

Menurutnya, pemilik pusat kecantikan kini semakin berani menyediakan khidmat rawatan estetik kerana terdapat permintaan tinggi walaupun pemilik atau pekerja tidak bertauliah.

"Mereka hanya menghadiri kursus pendek di negara jiran dan pulang dengan membuka pusat kecantikan



DR SITI FATIMAH NOOR

yang menyediakan rawatan ini," katanya.

Menurut beliau, pesakit yang datang biasanya memaklumkan mereka melakukan suntikan botox, menghilangkan kedut atau jerawat. Dr Siti Noor Fatimah menasihatkan pengguna agar tidak mendiamkan diri sekiranya mengalami masalah selepas melakukan rawatan.

"Mereka sepatutnya membuat laporan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) supaya tindakan susulan boleh diambil," katanya.

Tiga bahan beracun dalam Night Cream ForU By D Ains Beauty Empire



Tiga bahan beracun berjadual ditemui dalam produk Night Cream ForU By D Ains Beauty Empire.

PUTRAJAYA - Penjual dan pengedar Night Cream ForU By D Ains Beauty Empire perlu menghentikan penjualan dan pendedaran serta merta susulan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menemui tiga bahan beracun berjadual dalam produk berkenaan.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, orang ramai juga disarankan segera menghentikan penggunaannya selepas ia dikesan mengandungi hydroquinone, tretinoin dan betamethasone 17-Valerate.

"Hydroquinone boleh menyebabkan kemerahan pada kulit yang disapu, ketidakelesaan, perubahan warna kulit yang

tidak diingini, kulit menjadi hipersensitif dan meningkatkan risiko kanser kulit," katanya dalam kenyataan pada Rabu. Menurutnya, penggunaan tretinoin tanpa pengawasan ahli profesional kesihatan boleh menyebabkan bahagian kulit yang disapu menjadi kemerahan, tidak selesa, pedih, mengelupas dan hipersensitif kepada cahaya matahari.

"Betamethasone 17-Valerate pula boleh menyebabkan bahagian kulit muka yang disapu menjadi nipis dan mudah mengalami iritasi, berjerawat, perubahan pada pigmentasi kulit serta meningkatkan risiko untuk diserap ke dalam sistem peredaran darah yang boleh mem-

bawa kesan mudarat," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, sekiranya penjualan produk kosmetik tersebut diteruskan, ia melanggar Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

"Individu yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau keduanya sekali untuk kesalahan pertama jika sabit kesalahan.

"Bagi syarikat pula, denda sehingga RM50,000 boleh dikenakan untuk kesalahan pertama dan denda maksimum RM100,000 untuk kesalahan berikutnya jika sabit kesalahan," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NASIONAL

4,500 sudah ikrar derma organ di MySejahtera

Khairy maklumkan jumlah itu adalah setakat jam 3 petang Isnin

Oleh **TUAN BUQHAIKHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN PUTRAJAYA**

Seramai 4,500 pengikrar penderma organ direkodkan berdaftar menerusi aplikasi MySejahtera sejak ia dilancarkan minggu lalu.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar menerusi ciapannya di Twitter pada Rabu berkata, jumlah itu adalah setakat jam 3 petang Isnin.

"Jadilah pengikrar penderma organ hari ini. Selamatkan nyawa," tulisnya.

Sebelum ini kerajaan melancarkan ciri baharu aplikasi MySejahtera yang membolehkan pengguna membuat pendaftaran derma organ.

Ia susulan kadar pendermaan organ di negara ini sangat rendah apabila Malaysia tergolong antara 10 negara yang mempunyai kadar transplantasi



KHAIRY



terendah di dunia bagi tahun 2021 iaitu 2.84 pembedahan transplantasi bagi setiap satu juta populasi, menurut *Global Observatory on Donation and Transplantation*.

Ciri baharu itu mula diperkenalkan sejak 6 September lalu.

Bilangan pesakit yang masih menunggu untuk mendapatkan derma organ di Malaysia adalah seramai 10,442 orang.

Bagaimanapun hanya 2,700 kes transplantasi melibatkan pendermaan organ dijalankan sejak tahun 1975.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 29

RUANGAN : DALAM NEGERI

Kosmetik 'timbang kilo' berbahaya

TUMPAT: Harga sangat murah menjadi satu daripada punca produk kosmetik murahan atau 'timbang kilo' mendapat tempat dalam kalangan remaja untuk tampil cantik tanpa memikirkan kesan kimia jangka panjang.

Selain itu, produk tersebut mudah dibeli dalam pasaran membuatkan golongan remaja lebih tertarik memilih untuk menggunakannya berbanding kosmetik yang disahkan selamat oleh Kementerian Kesihatan (KKM).

Perkara itu didedahkan Pakar Bedah Plastik dan Rekonstruktif, Pusat Pengajian Sains dan Perubatan Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Kesihatan Kubang Kerian, Dr. Siti Fatimah Noor Mat Johar.

Dr. Siti Fatimah berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan remaja yang menggunakan produk kosmetik 'timbang kilo' itu sering mengalami masalah muka, namun, tiada



DR. Siti Fatimah Noor (belakang dua dari kiri) melihat pelajar memeriksa wajah pada Majlis Keselamatan Kosmetik Dalam Kalangan Masyarakat di Tumpat, Kelantan semalam. - UTUSAN/ROSLIZA MOHAMED

laporan terperinci diterima.

"Pada masa yang sama, golongan ini mudah terpe-

ngaruh dengan janji-janji manis yang ditawarkan oleh peniaga berkait dengan ke-

berkesanan produk berkenaan yang diiklankan menerusi laman sosial.

"Saya berharap anak-anak remaja di luar sana tidak terlalu taksud untuk membeli produk tersebut tanpa memeriksa kandungan yang digunakan," katanya ketika ditemui pada Majlis Kempen Keselamatan Kosmetik Dalam Kalangan Masyarakat Dengan Kerjasama USM yang turut dihadiri Pengarah Urusan Beauty Kaseh, Mohd. Faizul Rohban Ahmad, di sini hari ini.

Dr. Siti Fatimah memberitahu, golongan ibu bapa dinasihatkan supaya memantau anak-anak supaya membeli produk kecantikan yang mendapat kelulusan KKM.

Katanya, beliau tidak menolak kemungkinan kosmetik 'timbang kilo' itu diambil dari negara jiran sebelum pengusaha membungkus semula mengikut jenama masing-masing untuk menarik perhatian.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS/ NATION

320,000 TARGET

APP SEES 4,500 ORGAN DONATION PLEDGES

700 people pledge on average daily since feature added to MySejahtera on Sept 6

QISTINA SALLEHUDDIN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

MORE than 4,500 people pledged to donate their organs since the Organ Donor Pledge registration feature was launched

on the MySejahtera application on Sept 6.

The Health Ministry said there were 700 new donors on average who had pledged daily since the feature was introduced.

"Up to 3pm on Sept 12, there were more than 4,500 pledges made on the application.

"This was the result of the new pledge feature introduced in the (organ donor) initiative.

"Through the new feature, the ministry is targeting 1,000 pledges daily to at least reach one per cent, or 320,000 Malaysians, who pledge as an organ donor."

On Sept 4, Health Minister Khairy Jamaluddin said the application would include an organ donor pledge feature to raise awareness and support for the organ donation initiative, aside



Khairy Jamaluddin

from making it easy for people to sign up as donors.

Khairy said the pledge would be shown to the next of kin of dead people as proof that they wanted to give the gift of life to someone else.

He said there were 10,442 people waiting for organ transplants.



USM plastic and reconstructive surgeon Dr Siti Fatimah Noor Mat Johar (seated, right) at the campaign on the safe use of cosmetics in Pasir Pekan yesterday. PIC BY SHARIFAH MAHSINAH ABDULLAH

1,942 Covid cases logged on Tuesday

KUALA LUMPUR: Malaysia logged 1,942 new Covid-19 infections on Tuesday, an increase from Monday's 1,847 cases. Total cases stand at 4,808,896. Based on the Health Ministry's CovidNow portal, 1,933 of the new infections were local transmissions. Selangor topped the list with 468 cases, followed by Kuala Lumpur with 389. The ministry recorded 2,276 recoveries. There was a decrease in active cases with 25,693 reported, with 24,431 placed under home quarantine. Six people died, raising total deaths to 36,391.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

KJ: Najib can use his usual high blood pressure meds

By RAHIMY RAHIM
rahimyr@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Former prime minister Datuk Seri Najib Razak can use his usual medication to control his high blood pressure if he wishes to, says Khairy Jamaluddin.

According to the Prison Department's procedures, prisoners willing to purchase their own medications and opt not to take the ones provided by the Health Ministry "is not an issue", said the Health Minister.

"I was made to understand this is allowed. We have also informed this to his family members," said Khairy at the signing of a Memorandum of Understanding (MOU) ceremony with IHH Healthcare Malaysia.

Najib was admitted to Hospital Kuala Lumpur on Monday, which saw his 1MDB trial at the Kuala Lumpur High Court on Tuesday postponed.

Senior lawyer Datuk Zaid Ibrahim pleaded with the Health Ministry to allow Najib to use his usual high blood pressure medication.

In a video posted on Facebook on the same day, Zaid hoped that Khairy could ensure that Najib received the best medication for his ailment.

"Don't tell me we can't give a former prime minister the usual medicine he takes? There's no need to give him the generic drug."

"Even if we were to give him a little bit of special treatment, what's wrong with that? It's not extraordinary (treatment)," said Zaid.

On Tuesday, Khairy dismissed claims Najib had high blood pressure due to a change of medication. He said the remarks that Najib's

blood pressure medication had been changed did not reflect the true situation.

He said the jailed former prime minister was given a generic high blood pressure medication when he was hospitalised at Hospital Kuala Lumpur, but the formula was the same medication the Pekan MP was previously taking.

Khairy added that he was made to understand that Najib was already allowed to use his medications while he was treated at Hospital Kuala Lumpur.

"He can continue to use it, and based on the current procedures, if the prisoner decides to buy it and the family members provide it through the Prisons Department, they will check it first. Once it is cleared, the prisoner can use the medication," said Khairy.

Meanwhile, about the event, some 500 cancer patients referred from government hospitals will be fully sponsored to undergo treatment at IHH Healthcare Malaysia



Done deal:

Khairy (third from right) witnessing the exchanging of documents between Health Ministry secretary-general Harjeet Singh (second from left) and Jean-François Naa at the event.

Watch the video
[TheStarTV.com](https://www.thestar.com.my/video)



facilities after it inked an MOU with the Health Ministry.

Selected cancer patients will receive treatment through the IHH Healthcare Malaysia network, comprising Pantai Hospitals, Gleneagles Hospitals and Prince Court Medical Centre.

Under the terms of the MOU, IHH Healthcare Malaysia will fully sponsor radiotherapy and radiosurgery for 500 cancer patients undergoing treatments at government hospitals.

These patients, identified and referred by the Ministry of Health and their designated specialists, will receive treatment across seven IHH healthcare Malaysia hospitals equipped with state-of-the-art technology, namely the Gamma knife and linear accelerator (Linac), to treat cancer.

Linac uses high-energy X-rays to

treat tumours with high accuracy, whereas Gamma Knife is a high-precision radiation therapy used to treat tumours without the need to make an incision.

IHH Healthcare Malaysia chief executive officer Jean-François Naa said the MOU was a significant collaboration as it allowed its cancer centre facilities and resources in different parts of the country to be utilised to help cancer patients.

Dr Kelvin Loh, managing director and CEO of IHH, added that collaboration with like-minded stakeholders was one of the key ways they addressed some of the most pressing healthcare challenges at the time.

"We embrace IHH's responsibilities as a leading healthcare provider and corporate citizen," he said.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Beauty cream ban notification

PUTRAJAYA: A ban notification on beauty product "Night Cream ForU By D Ains Beauty Empire" has been issued as it was found to contain scheduled poisons and is no longer allowed to be sold in Malaysia, said Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

He said the National Pharmaceutical Regulatory Agency under the Health Ministry found that the cosmetic product contained hydroquinone, tretinoin and betamethasone 17-valerate.

The use of products containing such substances without the supervision of health professionals could cause adverse side effects.

"Sellers and distributors of the cosmetic product should stop selling the it immediately," he said in a statement yesterday.

Noor Hisham added that hydroquinone could cause redness when applied on the skin, discomfort, unwanted skin colour changes, hypersensitivity and prevent the pigmentation process (depigmentation), which reduces the skin's protection from harmful ultra violet rays and increase the risk of skin cancer. - Bernama